



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِوَسِيلَةِ نَبِيِّ إِسْلَامِهِ إِنِّي إِتَّبَعْتُهَا بِمِلَّةِ نَبِيِّهَا

NAFKAH SUAMI TERHADAP ISTERI
DAN PELAKSANAANNYA
DI MAHKAMAH SHARIAH PEKAN , PAHANG

OLEH

HAJI SULAIMAN BIN HAJI AHMAD

SESI

1992/1993

KURSUS DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM

KULIAH UNDANG- UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
MALAYSIA

PENGHARGAAN

Al hamdulillah, segala puji bagi Allah Pencipta Alam.
Solawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad
s.a.w.

Dengan taufiq dan hidayah dari Allah, dengan limpah dan kurniannya, penulis dapat juga menyiapkan kertas projek yang serba ringkas ini sebagai memenuhi syarat untuk mendapat Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam .

Penulis ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Al Fadhil Ustaz Yaacob bin Ismail selaku penyelia di dalam menyediakan kertas projek ini, dan ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang telah memberi khidmat dan tunjuk ajar dalam kursus ini. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada pihak penganjur kursus ini, Universiti Islam Antara Bangsa, Jabatan Perkhidmatan Awam, dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama, dan Jabatan Agama Islam Pahang .

Ucapan terima kasih juga penulis rakamkan kepada semua kakitangan Mahkamah Syariah Pekan Pahang, kerana sudi memberikan kerjasama dan bantuan kepada penulis untuk mendapat-

kan beberapa data yang diperlukan dalam penulisan kertas projek ini .

Akhirnya kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan kertas projek ini. Semoga segala kerjasama semua pihak akan mendapat ganjaran yang baik dari Allah s.w.t.

Sekian, terima kasih.

KANDUNGAN

| | |
|----------------------|----|
| i) PENGHARGAAN | i |
| ii) KANDUNGAN | ii |

BAB I : PENDAHULUAN

| | |
|-----------------------------------|---|
| 1.1. LATAR BELAKANG MASALAH | 1 |
| 1.2. PENGENALAN TAJUK | 4 |
| 1.3. TUJUAN PEMILIHAN TAJUK | 6 |

BAB II : PERSOALAN NAFKAH

| | |
|--|----|
| 2.1. DEFINASI NAFKAH | 9 |
| 2.2. DALIL WAJIB NAFKAH | 10 |
| 2.3. BAHAGIAN NAFKAH DAN SEBAB-SEBAB DIWAJIBKAN | 15 |

BAB III : NAFKAH ISTERI

| | |
|--|----|
| 3.1. DALIL WAJIB NAFKAH | 27 |
| 3.2. SYARAT-SYARAT WAJIB NAFKAH | 29 |
| 3.3. PENJENISAN NAFKAH ISTERI | 33 |
| 3.4. PENENTUAN KADAR NAFKAH | 36 |
| 3.5. PERMASALAHAN DAN PENYELESAIAN | 44 |

| | |
|-----------------------------------|---------------------------------------|
| BAB IV : BIDANG KUASA MAHKAMAH | |
| DAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG | |
| 4.1. | BIDANG KUASA MAHKAMAH 57 |
| 4.2. | PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG |
| | MENGENAI NAFKAH 66 |
| BAB V : PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG | |
| NAFKAH DI MAHKAMAH SHARIAH | |
| 5.1. | CARA PELAKSANAAN DAN PENYELESAIAN |
| | KES DI MAHKAMAH75 |
| 5.2. | KES NAFKAH ISTERI YANG TELAH |
| | DIPUTUSKAN OLEH MAHKAMAH |
| | SHARIAH DAERAH PEKAN , PAHANG86 |
| BAB VI : PENUTUP | |
| | KESIMPULAN DAN ULASAN97 |

BAB I
PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Masalah

Zaman berubah masa berlalu, peredaran tersebut berjalan dalam suasana biasa tanpa menunggu sesiapa. Seiringan dengannya, atau di celah-celah inilah, terletaknya peranan dan tanggungjawab manusia.

Disebabkan ketidaksamaan latar belakang, pengetahuan dan suasana alam sekeliling, menyebabkan manusia berjalan, berfikir dan bertindak mengikut serta berpandukan dorongan-dorongan yang ada, lebih-lebih lagi suasana sesetengah masyarakat kita pada hari ini suka meniru dan mengambil apa saja contoh yang berlaku, melalui penglihatan dan pendengaran mereka, sama ada baik atau pun buruk.

Dengan adanya kecanggihan alat-alat eletronik pada hari ini, mereka telah didedahkan dengan berbagai-bagai rancangan dan program, tanpa mengira masa dan tempat, siang atau malam sentiasa berterusan.

Dari apa yang dilihat dan didengar, pendedahan yang sampai kepada masyarakat kita itu, dari penilaian yang ada di depan mata, yang tidak baik dari pandangan akhlak, telah menguasai dan telah mengambil tempat yang lebih. Mungkin

salah satu sebab berpunca dari kurangnya kawalan dan penapisan pendedahan tersebut, kalau pun dikawal dan ditapis tidak dari kaca mata atau dari kayu pengukur yang selayaknya, sama ada di peringkat masyarakat umum, mahu pun di peringkat keluarga .

Maka dengan adanya keghairahan tersebut, menyebabkan ada di kalangan masyarakat kita, masyarakat Islam, khususnya masyarakat Islam di Daerah Pekan , pahang, telah melupakan peranan dan tanggungjawab mereka yang sebaik-baiknya, seperti yang telah ditetapkan oleh islam, iaitu tanggungjawab kekeluargaan dan menunaikan nafkah oleh suami terhadap isteri. Begitu juga sebaliknya tuntutan nafkah oleh isteri terhadap suami, perlulah berasaskan yang sepatutnya, berdasarkan kemampuan suami. Jauhkan dari berbentuk paksaan yang luar dari kemampuan suami, yang menjadikan suami serba salah, lantaran isteri kononnya menyahut cabaran untuk bersaing dengan tetangga.

Kini semakin ketara perselisihan dan kegoncangan rumah tangga yang kebiasaannya berakhir dengan perceraian. Kaum wanita semakin berani menyatakan bahawa mereka juga ada hak yang sama untuk menuntut perceraian. Lantaran itu kadar perceraian sama ada dari pihak suami atau pihak isteri telah meningkat, kebanyakannya adalah berpunca dari tidak ada

persefahaman di antara suami isteri, ekoran dari tidak menunaikan tanggungjawab dalam pemberian nafkah, atau membuat tuntutan nafkah yang tidak sesuai, serta berpunca dari silap kefahaman tentang kewajipan nafkah .

Oleh itu, ke arah pembinaan semula rumahtangga yang lebih harmoni dan bahagia. Bagi seorang suami, pengetahuan tentang kewajipannya, serta hak-hak isteri ke atasnya adalah sangat penting untuk kesinambongan hidupnya, kera itu mereka
8 perlu berusaha giat, dan mengelakkan sebarang tindakan yang boleh membawa kezaliman .

Kerenah-kerenah isteri perlu diketahui sedalam-dalamnya, sesuai dengan kepesatan kemodanan hidup sekarang .

Oleh itu penulisan kertas projek ini adalah untuk menjelaskan mengenai nafkah suami terhadap isteri, berpandukan kitab-kitab Feqah yang muktabar, serta bersandarkan dalil-dalil dari Al Quran dan Al HAdis, yang sentiasa sesuai dengan perubahan zaman dan masa .

Maklumat ini dibentangkan dan diketengahkan kenyataannya dengan mengambil contoh dari pelaksanaan apa yang dijalankan oleh Mahkamah Syariah Daerah Pekan .

Mahkamah Syariah adalah tempat yang sesuai bagi memperbaiki dan memperbetulkan kesilapan, serta menyelesaikan permasalahan nafkah ini, walau pun masih terdapat kelemahan-kelemahan di mahkamah tersebut. Walau bagaimana pun diharapkan tidak mengabaikan tugas dan peranan mereka dalam menyelesaikan masalah yang sentiasa berbangkit mengenai nafkah seperti ini khususnya.

1.2. PENGENALAN TAJUK

Kertas projek ini bertajuk : " Nafkah suami terhadap isteri dan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah, Pekan, Pahang Darul Makmur".

Tajuk ini diutarakan adalah untuk membuat satu penganalisaan secara ringkas mengenai hukum nafkah suami terhadap isteri dan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah, Pekan Pahang.

Dalam bab pertama penulis menjelaskan latar belakang masalah , pengenalan tajuk dan tujuannya.

Dalam bab kedua pula penulis menjelaskan mengenai definasi nafkah serta dalil-dalil wajib nafkah, berdasarkan Al Quran dan Al Hadis serta Al Ijma'. Seterusnya penulis membincangkan bahagian-bahagian nafkah dan sebab-sebab diwajibkan nafkah tersebut, dan diakhirnya dalam bab ini juga penulis menerangkan mengenai matlamat nafkah.

Dalam bab ketiga, penulis membincangkan secara ditil mengenai nafkah isteri dan perkara-perkara yang berhubung dengannya. Bagi menjalankan pelaksanaan nafkah di Mahkamah Syariah, berdasarkan bidang kuasa yang terdapat dalam undang-undang bertulis di Negeri Pahang .

Dalam bab keempat penulis membincangkan bidang- kuasa, serta undang-undang yang berkaitan yang sedang dijalankan di Negeri Pahang di masa kini .

Dalam bab kelima pula penulis membincangkan cara pelaksanaan dan penyelesaian kes, serta kes-kes nafkah isteri yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah , Pekan Pahang.

Akhirnya dalam bab keenam penulis memberi ulasan mengenai kelemahan-kelemahan yang masih terdapat di Mahkamah Syariah , yang seharusnya diatasi segera bagi memastikan Mahkamah Syariah menjadi sebuah Mahkamah Islam yang berwibawa.

1.3. TUJUAN PEMILIHAN TAJUK

1.3.1. Tujuan tajuk diutarakan adalah untuk membuat satu penganalisaan secara ringkas mengenai hukum nafkah dalam islam, dan cara-cara tuntutan dan pelaksanaan dibuat melalui tuntutan yang dikemukakan di Mahkamah Syariah, Pekan, Pahang.

1.3.2. Supaya pelaksanaan nafkah dapat ditunaikan dengan cara yang betul dan tepat sebagaimana yang telah ditentukan oleh syarak, berdasarkan kitab-kitab Feqah , serta bersumberkan Al Quran, Al Hadis dan Al Ijma'. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Pahang 1990 seksyen 100 (1) dan (2) memperuntukkan , bahawa mana-mana peruntukan dalam Enakmen ini yang berlawanan dengan hukum syarak adal tidak sah. Jika terdapat peruntukan yang tidak jelas , Mahkamah hendaklah merujuk kepada hukum syarak.

1.3.3. Supaya pelaksanaan nafkah yang dikemukakan kepada Mahkamah Syariah , Pekan , Pahang, dapat disegerakan pelaksanaannya. penyelarasan dibuat dengan cara yang mudah. Mereka yang berhak dapat ditunaikan haknya dengan cara yang betul. Dengan cara sedemikian dapat mengelakkan daripada berlakunya perceraian antara suami isteri, berpunca dari tidak menunaikan nafkah dengan cara yang betul.

1.3.4. Diharapkan dari kajian dan penulisan ini, memberi banyak manfaat kepada penulis sendiri, dan kepada mereka yang berminat untuk membuat kajian, selain daripada menjelaskan semula fakta-fakta yang telah diberikan oleh para Ulama' yang menyandarkan pandangan mereka daripada Al Quran dan Al Hadis serta Al Ijma'.

Penulisan seumpama ini, kiranya bernilai, ianya merupakan khazanah bangsa yang boleh dimanfaatkan sepanjang zaman .

BAB II

PERSOALAN NAFKAH

Dalam bab ini , penulis akan menyentuh tentang persoalan-persoalan mengenai nafkah secara umum , yang dinaqalkan dari kitab-kitab yang muktabar. Menyentuh mengenai nafkah secara umum ini adalah berasaskan kepada ayat Al Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w.

Apa yang dapat penulis simpulkan dari Quran, Hadis itu nanti, ialah mengenai kepentingan menunaikan tanggungjawab memberi nafkah kepada mereka yang berkewajipan. Serentak dengan itu akan dinyatakan secara ringkas, matlamat dan tujuan menunaikan tanggungjawab memberi nafkah seperti yang diperuntukkan oleh Syariat Islam .

Kewajipan memberi nafkah ini tidaklah boleh diabaikan sama sekali, selama mana pihak yang bertanggungjawab itu mampu, kerana sabda Rasulullah s.a.w.:

كفى بالمرء إثماً أن يضيع من يقوت

رواه أبو داؤد

Ertinya : Amatlah berdosa seseorang yang mengabaikan nafkah orang yang di bawah tanggungannya. Oleh itu kewajipan ini hendaklah ditunaikan dengan sebaik-baiknya .

2.1. DEFINASI NAFKAH

Nafkah berasal daripada perkataan INFAQ, yang bermakna mengeluarkan atau membelanjakan wang ringgit, atau harta benda. Biasanya perkataan nafkah digunakan hanya untuk sesuatu tujuan kebajikan, seperti nafkah anak-anak, isteri, ibu bapa, kaum kerabat dan seumpamanya. Perkataan nafkah tidaklah digunakan tujuan yang lainnya, seperti membayar denda, gantirugi dan seumpamanya, kerana yang demikian itu tidak termasuk di dalam erti kata nafkah.

Nafkah pada bahasa bererti, apa yang dibelanjakan oleh seseorang kepada keluarganya :

ما ينفقه الإنسان على عياله

iaitu, sesuatu yang pada asalnya berupa wang ringgit dan harta benda .

Menurut istilah syarak, perkataan nafkah bererti makanan, pakaian, dan tempat tinggal.

Ini bermakna, nafkah adalah keperluan bagi seseorang sama ada untuk diri atau keluarga.

Yang dimaksudkan dengan makanan menurut kebiasaannya ialah roti atau nasi, lauk dan termasuk minuman. Pakaian termasuk selimut. Tempat kediaman termasuk rumah dan alat kelengkapan, serta kemudahan asasnya daripada air, api, alat pencuci dan pembantu rumah menurut kebiasaan.

2.2. DALIL WAJIB NAFKAH

Berpandukan definasi yang tersebut di atas, memberi nafkah adalah kewajipan dan penentuan yang telah ditetapkan oleh syarak . Oleh itu hendaklah ditunaikan oleh setiap orang yang berkewajipan .

Memberi nafkah adalah wajib berdasarkan kepada Al Quran, Al Hadis dan Al Ijma'.

1) Al Quran

Firman Allah Taala :

لينفق ذو سعة من سعته ، ومن قدر عليه رزقه
فلينفق ممن آتاه الله . لا يكلف الله نفسا
5
إلا ما آتاهها سيجعل الله بعد عسر يسرا .

Ertinya : Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu). Allah tidak akan memberati seseorang, melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan oleh Allah kepadanya. (Orang-orang yang kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan .

Firman Allah lagi :

بيسط الرزق لمن يشاء ويقدر

Ertinya : Dia (Allah) yang meluaskan rezeki kepada siapa-siapa yang ia kehendaki, dan ia menyempitkan (rezeki sesiapa yang ia kehendaki) .

Dalam ayat yang lain firman Allah :

اسكنوهن من حيث سكنتم من وجدكم ، ولا تضاروهن
لتضيقوا عليهن ، وإن كنّ أولات حمل فأنفقوا عليهن
حتى يرضعن حملهن ، فإن أرضعن لكم فأتوهن
أجورهن واتمروا بينكم بمعروف ، وإن تعاسرتم
فسترضع له أخرى .
6

Ertinya : Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani eddahnya) itu di tempat kediaman kamu , sesuai dengan kemampuan kamu , dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan, hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). Dan jika mereka sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya, kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu , maka berikanlah kepada mereka upahnya, dan berbincanglah antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik , dan sebaliknya jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.

ii) Hadis

a. Riwayat daripada Abi Mas'ud r.a. :

نفقة الرجل على اهله صدقة

7

حسن صحيح

Ertinya : Nafkah yang diberi oleh seorang laki-laki kepada keluarganya adalah sedekah .

- Hasan Sohih

b. Riwayat daripada Thauban r.a.:

إنّ النبي صلى الله عليه وسلم قال : أفضل الدينار دينار ينفقه الرجل على عياله ، ودينار ينفقه الرجل على دابته في سبيل الله ، ودينار ينفقه الرجل على أصحابه في سبيل الله . قال أبو قلابة : بدأ بالعيال، ثم قال : فأى رجل أعظم أجرا من رجل ينفق على عياله ، ينفق على عياله ، صغار يعفهم الله به ، ويغنيهم الله به .

8

- حسن صحيح

Ertinya : Nabi s.a.w. telah bersabda : " Yang lebih utama daripada harta (dinar), ialah harta yang dinafkahkan

kan (dibelanjakan) untuk anak isteri, dan dinar yang dinafkahkan untuk bintang tunggangan untuk berperang sabilillah, dan harta yang dibelanjakan kepada kawan-kawan pada jalan Allah. Kata Abu Qilabah r.a.: Hadis ini bermula dengan menyebut kanak - kanak, kemudian katanya: " Mana satu lelaki yang lebih besar pahalanya daripada lelaki yang membelanjakan hartanya untuk anak isteri, kanak-kanak kecil dipelihara oleh Allah dengannya dan dikayakan (dilindungi) Oleh Allah akan mereka itu dengannya .

- Hasan Sohih

iii) Ijma'

Para Ulama'telah bermuafakat tentang kewajipan suami memberi nafkah kepada isterinya, selama ia tidak melakukan pendurhakaan .

Hukum nafkah menurut pandangan ahli feqah adalah seperti berikut :

- a) Bagi Mazhab Hanafi , nafkah yang wajib itu ialah untuk ayah, anak, dan sebahagian daripada keluarga yang menjadi muhrim .

- b) Mazhab Maliki mengatakan , nafkah yang wajib itu itu untuk kedua - dua orang tua dan anak sahaja. Orang tua adalah tanggungan anak, begitu juga nafkah anak atas tanggungan orang tuanya sahaja.
- c) Bagi Mazhab Shafie , nafkah yang wajib itu ialah untuk ayah dan anak .
- d) Mengikut Mazhab Hambali pula , nafkah yang wajib itu ialah untuk ayah dan anak yang dapat pusaka dari keluarganya secara mutlak .

2.3. BAHAGIAN NAFKAH

10

2.3.1. Ulama' membahagikan kepada dua bahagian :

- i) Nafkah yang wajib bagi seseorang ke atas dirinya , diberi keutamaan dari yang lain.
- ii) Nafkah yang wajib ke atas seseorang, bagi orang lain. Kewajipan ini bergantung kepada tiga sebab :
 - a) Dengan sebab perkahwinan. Suami wajib memberi nafkah kepada isteri .
(Huraian dalam bab ketiga).

b) Dengan sebab kekeluargaan yang rapat. Keluarga wajib memberi nafkah kepada keluarga yang rapat, dengan sebab keturunan (nasab), yaitu ibu bapa hingga ke atas, dan anak-anak hingga ke bawah, lelaki dan perempuan.

Setiap suami bertanggung jawab memberi nafkah kepada isterinya, begitu juga ia bertanggungjawab memberi nafkah kepada kedua ibu bapa dan anak-anaknya dengan beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh syarak.

Dalil yang mewajibkan memberi nafkah kepada ibu bapa sebagaimana firman Allah s.w.t.

وإن جاهدك على أن تشرك بي ما ليس لك به
11 علم فلا تطعهما وصاحبهما في الدنيا معروفا .

Ertinya : Dan jika mereka berdua mendesakmu, supaya engkau menyengutukan denganku sesuatu engkau -dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya, maka janganlah engkau taat kepada mereka, dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik .

Maksud ibarah " Bergaullah dengan mereka di dunia dunia dengan cara yang baik " bermakna, berbuat baik kepada kedua ibu bapa dengan memberi khidmat, termasuk memberi nafkah, dan membantu apa-apa yang diperlukan oleh keduanya.

Dalil hadis mengenai memberi nafkah kepada ibu bapa (Qarabah) :

وعن طارق المحاربي هو طارق بن عبد الله المحاربي
روى عنه جامع بن شداد وربيعي التحتية ابن حراش
قال : (قدمنا المدينة فإذا رسول الله صلى الله
عليه وسلم قائم على المنبر يخطب الناس ، ويقول
يهد المعطى العليا وأبدأ بمن تعمل : أمك وأباك
وأختك وأخاك ثم أدناك قاداتك .
12

Maksudnya: "Kami datang ke Madinah ketika Rasulullah berkhotbah di atas mimbar dan baginda bersabda: Tangan orang yang memberi itu di atas, dan hendaklah kau mulakan pemberian kepada orang yang di bawah tanggunganmu, emakmu, bapamu, saudara perempuanmu, saudara laki-lakimu, dan selepas itu keluarga-keluargamu yang terhampir denganmu".

Bapa adalah bertanggungjawab memberi nafkah kepada anak-anaknya dari hasil perkahwinan yang sah mengikut hukum syarak .

Dalil wajib memberi nafkah kepada anak-anak sebagaimana firman Allah s.w.t. :

وعلى المولود له رزقهنّ وكسوتهنّ بالمعروف
13
لا تكلف نفسا إله وسعها .

Maksudnya : " Dan kewajipan ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara maaruf. Seseorang tidak dibebani, melainkan menurut kesanggupannya.

Hadis Rasulullah s.a.w.:

وعن عائشة قالت :
دخلت هند بنت عتبة امرأة ابي سفيان على رسول
الله صلى الله عليه وسلم ، فقالت ، يا رسول الله ،
انّ ابا سفيان رجل شحيح ، لا يعطيني من النفقة
ما يكفيني ويكفي بئريّ - إله ما أخذت من مالك بغير
علمه ، فهل علىّ في ذلك من جناح ؟ فقال ، حذى
14
من مالك بالمعروف ما يكفيك ويكفي بئريك .

- متفق عليه

Maksudnya : Dari Aishah, bahawa Hindun binti Utbah Utbah pernah bertanya " Wahai Rasulallah, sesungguhnya Abu Sofian adalah seorang kikir, dia tidak mahu memberi nafkah kepada aku dan anakku, sehingga aku mesti mengambil daripadanya tanpa pengetahuannya. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda : Ambillah apa yang mencukupi bagimu dan anakmu dengan cara yang baik (maaruf) .

c) Nafkah hamba dan binatang .

Orang yang ada memiliki hamba dan ada memiliki binatang, sama ada untuk kenderaan atau bekerja, atau pun pemeliharaan binatang dijinakkan, sama ada dimiliki dengan cara beli, pemberian atau dengan cara pusaka, adalah wajib di atas orang yang memiliki itu memberi nafkah, makan 15 minum, pakaian dengan kadar yang mencukupi.

Dalil Hadis :

عن أبي هريرة رضي الله عنه ، قال رسول الله
صلى الله عليه وسلم ، للمملوك طعامه وكسوته
16
ولد يكلف من العمل إلا ما يضييق .

- رواه مسلم -